

ISI KANDUNGAN

<u>Bil.</u>	<u>Tajuk / Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
1.	Tujuan	2
2.	Latar Belakang	2-3
3.	Objektif	3-4
4.	Mekanisma Pelaksanaan	4-5
5.	Asas-Asas Utama Pembangunan Modul	5-6
6.	Kandungan Modul: 6.1 Modul Pelaksanaan Program <ul style="list-style-type: none">• Modul Pembinaan Sahsiah, Jatidiri & Kepimpinan• Modul Pembinaan Pendidikan & Kemahiran• Modul Pembinaan Kerjaya Keusahawanan	6 7 7-9
	6.2 Fasa Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none">• Fasa Pertama : Sesi Penyesuaian & Pemilihan• Fasa Kedua : Sesi Pembinaan Kerjaya	9 9-10
	6.3 Butiran Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none">• Peserta• Tempat Pelaksanaan• Tentatif Program• Agensi Terlibat• Kajian Impak, Penilaian & Laporan Program• Program Lanjutan	10 10 10 11 11-12 12-13
7.	Pelan Tindakan Pelaksanaan	13-14
8.	Jawatankuasa Induk	14-15
9.	Implikasi Kewangan	15
10.	Penutup	15
	<i>Lampiran A (Tentatif Program)</i>	16
	<i>Lampiran B (Implikasi Kewangan)</i>	17-20
	<i>Lampiran C (Pelaksanaan Peringkat Negeri & Zon)</i>	21-22

1. TUJUAN

- i. Kertas cadangan ini bertujuan untuk menerangkan pelaksanaan **Program 3K Belia Berisiko** di bawah konsep perkongsian pintar (*smart partnership*) dengan pelbagai pihak yang berkaitan dengan pembangunan kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan khusus untuk belia-belia berisiko.

2. LATAR BELAKANG

- i. Usaha untuk memperkasa golongan belia dinyatakan secara jelas di bawah Teras Kedua dalam Misi Nasional yang telah disasarkan iaitu "*meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama*". Ianya menjadi suatu tanggungjawab kepada kita untuk memperkasa golongan belia secara total seperti yang dituntut dalam matlamat RMK-9. Untuk itu, semua pihak perlu melalui dan menerima perubahan dari segi komitmen dan pendekatan baru dalam melaksanakan program-program pembangunan belia.
- ii. KBS bercadang untuk mewujudkan satu pendekatan baru dengan memperluaskan konsep perkongsian peranan melalui pelbagai pihak. Di bawah cadangan ini, KBS akan berkongsi peranan usahasama dengan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) dan pertubuhan-pertubuhan belia dari seluruh negara.
- iii. Dalam usaha untuk memperkasakan pembangunan modal insan negara, penglibatan golongan **belia berisiko** dalam program-program pembangunan belia merupakan satu usaha murni ke arah mengembalikan semula peranan dan tanggungjawab mereka sebagai

agen perubahan masyarakat dan negara. Walaupun jumlah golongan ini berada pada tahap yang tidak membimbangkan, program pencegahan perlu disusun dan diperkasa sebagai satu tindakan proaktif dalam membendung masalah golongan ini di peringkat awal.

- iv. Justeru itu, program ini dirancang untuk membantu menangani masalah-masalah sosial di kalangan generasi muda seperti budaya lepak, penagihan najis dadah, pengangguran, jenayah, lumba haram, mengandung luar nikah dan sebagainya. Di samping itu, program ini akan dapat mempersiapkan generasi muda dengan konsep asas pembangunan belia melalui pendekatan **3K** yang mengandungi komponen **kemahiran, kepimpinan** dan **keusahawanan** agar mereka berupaya menjadi sumber modal insan negara yang kompeten dan berdaya saing selaras dengan keperluan tenaga kerja negara masa kini dan hadapan.
- v. Pendekatan holistik **3K** yang memberikan penekanan khusus terhadap pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran memimpin, kemahiran vokasional dan keusahawanan akan digunakan sebagai teras utama program ini. Selain itu, tumpuan juga akan diberikan dari sudut pembinaan sahsiah dan jatidiri, menyemai semangat patriotisme selain kecergasan fizikal dan mental.

3. OBJEKTIF

- i. Mencetuskan kesedaran, keinsafan dan penyesalan di kalangan peserta terhadap kesilapan, kelemahan dan kekurangan diri supaya dapat melaksanakan perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik dan sempurna.
- ii. Mewujudkan kumpulan belia yang mempunyai elemen pembangunan jatidiri, kepimpinan, patriotisme, bertanggungjawab dan bersama membangunkan kesejahteraan negara.
- iii. Membuka peluang kepada para peserta menceburi bidang kemahiran dan keusahawanan yang diminati sebagai langkah ke arah perubahan sikap yang lebih positif dan seterusnya membina kerjaya hidup yang lebih cemerlang.

4. MEKANISMA PELAKSANAAN

- i. Program ini akan dikenali sebagai **PROGRAM 3K BELIA BESTARI**.
- ii. Program ini akan dilaksanakan mengikut zon-zon tertentu dengan memberikan penumpuan kepada **belia-belia berisiko di kawasan hitam dan kelabu mengikut maklumat tersedia dari Peta Belia Malaysia**.
- iii. Peruntukan kewangan akan disalurkan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri kepada pelaksana di negeri-negeri terlibat seluruh negara.
- iv. Jangkamasa program terbahagi kepada 2 iaitu:
 - a) Jangka pendek – 6 hari

b) Jangka panjang – 6 bulan

- v. Agensi-agensi kerajaan dan swasta, NGO's serta pertubuhan belia akan terlibat secara langsung dalam membantu dari sudut penyelarasan pelaksanaan program, merangka modul, kemudahan data dan maklumat peserta serta membekalkan peserta di kalangan belia berisiko yang dikenalpasti di seluruh negara.
- vi. Semua kemudahan dan premis milik KBS akan digunakan sepenuhnya sebagai kemudahan utama dalam pelaksanaan program seperti Kompleks Belia dan Sukan Negeri (KOMBES), Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Kompleks Rakan Muda (KRM).
- vii. Garis panduan program (SOP) akan disediakan meliputi konsep program, penyaluran kewangan, mekanisme pelaksanaan, format laporan, perbelanjaan, pemantauan dan penilaian.

5. ASAS-ASAS UTAMA PEMBANGUNAN MODUL

- i. Memberikan kesedaran kepada peserta tentang kepentingan memiliki keseimbangan antara IQ (kecerdasan fikiran), EQ (kecerdasan emosi) dan SQ (kecerdasan spiritual) dalam membina kecemerlangan diri.
- ii. Meningkatkan kekuatan spiritual melalui aktiviti pemurnian rohani dan jasmani sebagai landasan hidup untuk melahirkan insan yang cemerlang dunia dan akhirat.

- iii. Memantapkan semangat daya tahan, daya juang dan meningkatkan motivasi di kalangan peserta agar dapat menghayati kehidupan yang lebih bermakna.
- iv. Menerapkan konsep 3K sebagai teras utama modul yang mengandungi input kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan.
- v. Menyediakan satu program yang dapat memberi peluang kepada peserta menceburi bidang kemahiran atau keusahawanan dan seterusnya membina kerjaya dalam bidang yang bakal diceburi kelak.

6. KANDUNGAN MODUL

6.1 MODUL PELAKSANAAN PROGRAM

- i. Matlamat utama program ini adalah *untuk menyediakan golongan belia yang berperibadi unggul, berkemahiran dan mampu memimpin diri ke arah menjadi warganegara yang berguna dan cemerlang dalam kerjaya yang bakal diceburi*. Program 3K Belia Berisiko ini akan dilaksanakan berdasarkan 3 modul teras iaitu:

a) ***Modul Pembinaan Sahsiah, Jatidiri dan Kepimpinan***

- Bertujuan untuk membina identiti diri peserta agar mempunyai semangat patriotisme yang tinggi di samping mengamalkan nilai-nilai, budaya dan gaya hidup yang positif selaras dengan aspirasi Rukun Negara, prinsip Islam Hadhari dan semangat perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia.

- Membina daya kepimpinan peserta agar dapat menjadi seorang pemimpin dan pengikut yang berkesan, memiliki kemahiran interpersonal dan kemahiran mengurus yang baik.

b) ***Modul Pembinaan Pendidikan dan Kemahiran***

- Bertujuan untuk memberikan pendedahan dan peluang kepada para peserta melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran yang diminati di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan seterusnya membina kerjaya masa depan yang gemilang. Antara bidang kemahiran yang akan diperkenalkan ialah:

↳ *Kursus Kemahiran Jangka Panjang Sijil Kemahiran Tahap 1 (SKM 1)*

- Kursus Membaiki Motorsikal
- Kursus Membaiki Kereta
- Kursus Membaiki Enjin Bermotor

↳ *Kursus Kemahiran Jangka Pendek di Kompleks Belia dan Sukan Negeri (Hujung Minggu)*

- Kursus Membaiki Telefon Bimbit
- Kursus Masakan, Kek, Roti dan Pastry
- Kursus Solekan / Mendandan Rambut
- Kursus Jahitan dan Sulaman
- Kursus ICT dan Pemasangan Komputer
- Kursus Kraftangan

c) ***Modul Pembinaan Kerjaya Keusahawanan***

- Bertujuan untuk membolehkan peserta mengenal potensi kerjaya yang bersesuaian dengan minat serta kebolehan yang dimiliki.
 - Memberi pendedahan kepada peserta tentang asas-asas kemahiran keusahawanan yang boleh dimanfaatkan dan seterusnya melibatkan diri dalam dunia perniagaan.
 - Kaedah **kiosk perniagaan** yang berkonsepkan sistem ‘mentor-mentee’ (antara peniaga muda dengan syarikat usahawan berjaya) merupakan pendekatan yang akan digunakan.
- ii. Latar belakang syarikat yang akan terlibat sebagai mentor akan dinilai dari sudut pengalaman, kestabilan ekonominya serta beberapa indikasi yang akan diperhalusi bagi memastikan kejayaan program ini. Antara syarikat yang telah dikenalpasti (maklumat daripada Bahagian Kemahiran) ialah:
- Program Telekomunikasi
 - *Kamalia Idil Resources Sdn. Bhd (EM-COMM MOBILE)*
 - Kiosk Pizza dan Satay
 - *Allmark Food Services (M) Sdn. Bhd.*
 - Kiosk Burger
 - *Otai Franchise Sdn. Bhd.*
 - Kiosk Frozen
 - *Institut Teknologi Kulinari Anjung Utara (Chef Li)*
 - Kiosk Buahan Segar
 - *Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA)*

- iii. Bidang-bidang kerjaya keusahawanan yang akan diperkenalkan adalah seperti berikut:
- Kiosk Peruncitan
 - Kiosk Servis / Baikpulih Telefon Bimbit
 - Kiosk Pizza
 - Kiosk Burger
 - Kiosk Makanan Sejukbeku (Frozen Food)
 - Kiosk Aiskrim Malaysia
 - Kiosk Satay
 - Kiosk Buahan Segar
 - Kiosk Kek dan Pastry
 - Kiosk Ayam Goreng Adli

6.2 FASA PELAKSANAAN

- i. ***Fasa Pertama : Sesi Penyesuaian dan Pemilihan (6 hari)***
- melibatkan sesi pembinaan diri, penyesuaian dan pemilihan peserta berdasarkan kecenderungan minat dalam bidang tertentu. Peserta yang berjaya akan mengikuti Fasa Kedua yang mengambil masa sehingga 6 bulan (mengikut kesesuaian kursus). Pengisian modul adalah seperti berikut:
- a) Modul bina insan, sahsiah dan kepimpinan
 - b) Aktiviti (LDK, ceramah, penyelesaian masalah, aktiviti luar dsb)
 - c) Masa program mengikut topik (jam x aktiviti)
 - d) Menggunakan tenaga jurulatih, fasilitator dan penceramah
- ii. ***Fasa Kedua : Sesi Pembinaan Kerjaya (sehingga 6 bulan)***

- fasa ini lebih menjurus kepada pembangunan kemahiran atau keusahawanan yang akan menjadikan peserta melibatkan diri terus ke dalam dunia pekerjaan. Modul fasa ini adalah seperti berikut:

- a) Modul Kemahiran (SKM 1)
- b) Modul Keusahawanan (MPEB, bantuan kewangan)
- c) Bidang Latihan (pengkhususan)
- d) Tempoh Latihan (mengikut jenis kursus)
- e) Tenaga Pengajar (Keusahawanan & Kemahiran)
- f) Pensijilan (Akreditasi)
- g) Kaedah Pengajaran (*On Job Training, Attachment Programmes*)

6.3 BUTIRAN PELAKSANAAN

i. ***Peserta***

- Belia lepasan SPM berumur *18 hingga 25 tahun*.
- Warganegara Malaysia tanpa mengira kaum atau agama.
- Bilangan peserta setiap program seramai *120 orang*. Pertimbangan ini dikira wajar memandangkan peserta diambil dari kalangan belia berisiko tinggi lepasan SPM.
- Kaedah carian peserta melalui kerjasama dengan Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), NGO's, Pertubuhan Belia.
- Peserta yang terlibat adalah dari sekolah-sekolah yang terletak dalam kawasan hitam dan kelabu berdasarkan Peta Belia Malaysia.

ii. ***Tempat Pelaksanaan***

- Negeri-negeri terpilih (**Lampiran C1 & C2**),

- Penginapan di premis-premis Kementerian Belia dan Sukan termasuk IKBN, APBM, KRM dan Kompleks Belia dan Sukan Negeri.

iii. ***Tentatif Program***

- Fasa Pertama (6 hari) (***Lampiran A***)

iv. ***Agensi Terlibat***

- Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani / FAMA
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri
- Akademi Pembangunan Belia Malaysia (Port Dickson & Batu Gajah)
- Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Jabatan Agama Islam Negeri
- Polis Di Raja Malaysia (PDRM)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
- PENGASIH
- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- NGO Belia Melayu
- NGO Belia Cina
- NGO Belia India
- NGO Bumiputera (Sabah & Sarawak) & Lain-lain

v. ***Kajian Impak, Penilaian dan Laporan Program***

- Bahagian Pembangunan Belia, Bahagian Kemahiran dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM) akan menyelaraskan kajian impak, penilaian dan penyediaan laporan program.
- Aspek-aspek kajian, penilaian dan laporan mencakupi:
 - ↳ Maklumat dan latarbelakang penyertaan
 - semua maklumat peserta akan disimpan untuk rujukan masa hadapan termasuk profil peserta, latarbelakang keluarga, sejarah sosial dan sebagainya.
 - ↳ Keberkesanan dan impak program
 - Penilaian akan dibuat sebelum (*pre*) dan selepas (*post*) peserta tersebut mengikuti program ini termasuk pemantauan secara berkala (setiap 6 bulan) di tempat kerja / perniagaan, penubuhan alumni, mengemaskini maklumat peserta yang telah bekerja / membuka perniagaan sendiri dan bantuan Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB).
 - ↳ Pengurusan program
 - Setiap program akan dinilai selepas tamat penganjurannya melalui mesyuarat post mortem, cadangan dan soal selidik di kalangan peserta, penggubalan modul dari masa ke semasa untuk tujuan penamaian program.
 - ↳ Penyata kewangan
 - Setiap penganjur akan bertanggungjawab untuk menyediakan laporan penyata kewangan kepada KBS untuk tujuan audit.
 - ↳ Cadangan dan syor
 - Setiap makluman balas dan maklumat yang diperolehi akan diteliti dan diperhalusi untuk dimajukan kepada KBS

vi. ***Program Lanjutan (selepas tamat program)***

- Bahagian Pembangunan Belia dan Pembangunan Kemahiran akan bekerjasama dengan beberapa agensi berkaitan seperti Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani dan syarikat-syarikat seperti PROTON, MODENAS dan usahawan-usahawan berjaya untuk mengambil peserta-peserta yang telah menamatkan program ini dengan jayanya sebagai pekerja mereka.
- Selain itu, bagi peserta yang berminat untuk menjalankan perniagaan sendiri, mereka akan diberikan pinjaman STEB untuk memulakan perniagaan sama ada berbentuk francais, kiosk mahupun perniagaan lain yang dipilih.
- Peranan syarikat-syarikat yang terlibat dalam program ‘mentor-mentee’ di peringkat awal program akan diteruskan apabila peserta memilih untuk menjalankan jenis perniagaan yang sama, melalui konsep ‘niaga angkat’ iaitu mereka bertanggungjawab untuk membimbing peserta memahami lebih mendalam tentang selok-belok perniagaan untuk satu jangkamasa tertentu.
- Sasaran peserta yang akan terlibat dalam bidang perniagaan dan pekerjaan ialah 70% daripada jumlah keseluruhan. Manakala 30% akan dinilai kecenderungan dan kehendak mereka dengan bantuan fasilitator.

7. PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

SESI 1:

- i) Bulan Januari - Jun

- Mesyuarat JK Induk & JK Pelaksana
- Mesyuarat dan sesi taklimat program di JBS Negeri-Negeri.
- Kemaskini modul program / TOT

ii) Bulan Jun - Disember

- Pelaksanaan Program 3K Belia Berisiko Peringkat Negeri

iii) Bulan Julai - Disember

- Pemantauan / Kajian Impak

8. JAWATANKUASA INDUK

Penasihat : YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Pengerusi : Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Timbalan Pengerusi : Tim. Ketua Setiausaha (Operasi)
Tim. Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Naib Pengerusi : Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara

Setiausaha : Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Belia)
Pengarah (Pembangunan Kemahiran)

Sekretariat : Pengarah (Kepimpinan & Pembangunan Sahsiah)

AJK : Caw. Kepimpinan & Pembangunan Sahsiah
Caw. Pembangunan Ekonomi
Caw. Pentadbiran Latihan, Bhgn. Kemahiran
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IPPBM)

9. IMPLIKASI KEWANGAN

- 9.1 Program 3K Belia Berisiko akan menggunakan peruntukan program kepimpinan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.
- 9.2 Peruntukan sebanyak RM15 juta akan digunakan dalam jangkamasa 2 tahun (2009-2010).
- 9.3 Butiran terperinci peruntukan seperti di *Lampiran B1 (2009) dan B2 (2010)*.

10. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN 2010

- 10.1 SAS

11. PENUTUP

- 11.1 Adalah diharapkan Program 3K Belia Berisiko ini dapat direalisasikan dengan jayanya dan menjadi antara program yang memberi impak besar dan positif ke arah pembangunan belia yang cemerlang.

11.2 Pelaksanaannya nanti akan memberikan ruang dan peluang kepada golongan belia yang sebelum ini sentiasa rasa terpinggir untuk menonjolkan bakat serta kebolehan dalam bidang kemahiran dan keusahawanan. Secara tidak langsung membantu mengurangkan masalah sosial dan pengangguran di kalangan belia.

**TENTATIF PROGRAM 3K BELIA BERISIKO
(FASA 1)**

Masa / Hari	6.00 – 6.45 pg	7.00 – 7.45 pg	8.30 – 10.30 pg	11.00 – 1.00 ptg	2.30 – 4.30 ptg	5.30 – 6.30 ptg	7.00 – 8.30 ptg	9.00 – 11.00 mlm
Hari Pertama	KAWAD / SENAMROBIK	RIADAH	Pendaftaran Peserta		Taklimat	SOLAT / TAZKIRAH	Suaikenal	
Hari Kedua			SWOT Analisis	Kecerdasan Emosi	Tanggapan & Gambaran Masa Depan (LDK)		Manusia Sebagai Khalifah (Diskusi) – JAKIM/JAIN	
Hari Ketiga			Slot PDRM / AADK / PENGASIH	Slot Kaunseling	Isu Kesedaran, Kesukarelaan (NGO's)		Patriotik Kenegaraan (Tayangan Video) – BTN	
Hari Keempat			Kemahiran Komunikasi Interpersonal (LDK)		Kepimpinan & Kepengikutkan Dalam Organisasi		Sidang Pleno	
Hari Kelima			Kemahiran Merancang (LDK)		Slot Kemahiran		Peluang & Realiti Keusahawanan	
Hari Keenam			Personality Test		Ujian Kecenderungan (Pengkhususan / Minat)		Rancangan Tindakan	
Hari Ketujuh			Penilaian / Post Test		Majlis Penutup / Bersurai			

LAMPIRAN B1

**ANGGARAN PERBELANJAAN
PROGRAM 3K BELIA BERISIKO TAHUN 2010**

1. Modul Pembinaan Sahsiah dan Kepimpinan (Tempoh 6 hari)

Bil	Perkara	Perbelanjaan	Jumlah
1.	Makan / Minum	RM 20 x 120 org x 6 hari	RM 14,400.00
2.	Penginapan	RM 15 x 120 org x 6 hari	RM 10,800.00
3.	Pengangkutan	RM 8,000.00	RM 8,000.00
4.	Kit Peserta	RM 45 x 120 org	RM 5,400.00
5.	Insuran	RM 1,000.00	RM 1,000.00
6.	Majlis Perasmian / Penutup	RM 2,000.00	RM 2,000.00
7.	Honororium		
	• Penceramah	RM 200 x 6 org	RM 1,200.00
	• Fasilitator	RM 100 x 12 org x 6 hari	RM 7,200.00
	• Komandan	RM 100 x 2 org x 6 hari	RM 1,200.00
	• Jurulatih	RM 100 x 2 org x 6 hari	RM 1,200.00
	• Koordinator Agama	RM 100 x 2 org x 6 hari	RM 1,200.00
8.	Keselamatan / Kecemasan	RM 1,400.00	RM 1,400.00
JUMLAH KESELURUHAN (SATU PAKEJ)			RM 55,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (8 PROGRAM)			RM 440,000.00

2. Modul Pembinaan Kerjaya Keusahawanan

Bil	Perkara	Perbelanjaan	Jumlah
1.	Kiosk Perniagaan	RM 10,000 x 60 org	RM 600,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (SATU PAKEJ)		RM 600,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN (8 PROGRAM)		RM 4,800,000.00	

* Kos perbelanjaan termasuk pakej latihan dan peralatan serta kos awal perniagaan selama sebulan.

LAMPIRAN C2

**PELAKSANAAN PROGRAM 3K BELIA BERISIKO
MENGIKUT NEGERI-NEGERI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Tanggungjawab	Modul			Kos (RM)
			Pembangunan Sahsiah	Pembinaan Pendidikan & Kemahiran	Pembinaan Kerjaya Keusahawanan	
1.	KEDAH	Peserta	55,000.00	270,000.00	600,000.00	925,500.00
	PERLIS	Peserta & Penganjur				
2.	PERAK	Peserta	55,000.00	270,000.00	600,000.00	925,500.00
	P. PINANG	Peserta & Penganjur				
3.	WP K.LUMPUR	Peserta	55,000.00	270,000.00	600,000.00	925,500.00
	SELANGOR	Peserta & Penganjur				
4.	JOHOR	Peserta	55,000.00	270,000.00	600,000.00	925,500.00
	MELAKA	Peserta & Penganjur				
5.	PAHANG	Peserta	55,000.00	270,000.00	600,000.00	925,500.00
	N. SEMBILAN	Peserta & Penganjur				
6.	TERENGGANU	Peserta	55,000.00	270,000.00	600,000.00	925,500.00
	KELANTAN	Peserta & Penganjur				
7.	SARAWAK	Peserta & Penganjur	55,000.00	270,000.00	600,000.00	925,500.00
8.	SABAH	Peserta	55,000.00	270,000.00	600,000.00	925,500.00
	LABUAN	Peserta & Penganjur				
JUMLAH			440,000.00	2,160,000.00	4,800,000.00	7,400,000.00
MODUL/TOT/IMPAK			96,000.00			96,000.00
JUMLAH KESELURUHAN						7,500,000.00

**TABURAN KEPADATAN BELIA (15-24 TAHUN) MENGIKUT DAERAH,
KATEGORI KAWASAN (MENGIKUT PETA BELIA MALAYSIA) DAN KEMUDAHAN SEDIA ADA**

BIL	NEGERI	DAERAH	KEPADATAN (ORG)	KATEGORI KAWASAN			KEMUDAHAN			
				HITAM	KELABU	PUTIH	KBS	KRM	IKBN	APBM
1.	Perlis	Perlis	4771 - 70528		✓		✓		✓	
2.	Kedah	Langkawi	4771 – 70528		✓					
		Kubang Pasu	4771 – 70528			✓				✓
		Padang Terap	4771 – 70528		✓					
		Pokok Sena	4771 – 70528		✓					
		Kota Setar	4771 – 70528		✓		✓			
		Pendang	4771 – 70528		✓					
		Yan	4771 – 70528			✓				
		Sik	4771 – 70528		✓					
		Kuala Muda	4771 – 70528		✓					
		Baling	4771 – 70528		✓			✓		
		Kulim	4771 – 70528		✓					
		Bandar Baharu	4771 – 70528			✓				

BIL	NEGERI	DAERAH	KEPADATAN (ORG)	KATEGORI KAWASAN			KEMUDAHAN			
				HITAM	KELABU	PUTIH	KBS	KRM	IKBN	APBM
3.	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	4771 – 70528		✓					
		Seberang Perai Tengah	4771 – 70528		✓				✓	
		Seberang Perai Selatan	4771 – 70528		✓			✓		
		Timur Laut	70528 - 136286		✓					
		Barat Daya	4771 – 70528		✓					
4.	Perak	Ulu Perak	4771 – 70528			✓				
		Kuala Kangsar	4771 – 70528			✓				
		Larut Matang	4771 – 70528		✓			✓		
		Kerian	4771 – 70528		✓					
		Manjung	4771 – 70528		✓					
		Perak Tengah	4771 – 70528			✓				
		Kinta	70528 - 136286		✓		✓		✓	✓
		Batang Padang	4771 – 70528			✓				
		Hilir Perak	4771 – 70528			✓				
5.	Selangor	Sabak Bernam	4771 – 70528			✓				
		Hulu Selangor	4771 – 70528			✓				
		Kuala Selangor	4771 – 70528			✓			✓	

BIL	NEGERI	DAERAH	KEPADATAN (ORG)	KATEGORI KAWASAN			KEMUDAHAN			
				HITAM	KELABU	PUTIH	KBS	KRM	IKBN	APBM
		Gombak	70528 - 136286			✓				
		Hulu Langat	136286 – 202044			✓			✓	
		Petaling	202044 - 267802			✓		✓		
		Klang	70528 - 136286			✓		✓		
		Kuala Langat	4771 – 70528			✓				
		Sepang	4771 – 70528			✓			✓	
6.	W.P. Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	202044 - 267802		✓		✓	✓		
7.	W.P. Putrajaya	Putrajaya	4771 – 70528			✓				
	Negeri Sembilan	Jelebu	4771 – 70528		✓					
		Jempol	4771 – 70528			✓		✓		
		Kuala Pilah	4771 – 70528			✓		✓		
		Seremban	70528 - 136286			✓	✓			
		Port Dickson	4771 – 70528			✓				✓
		Rembau	4771 – 70528			✓			✓	
		Tampin	4771 – 70528			✓				
9.	Melaka	Alor Gajah	4771 – 70528		✓			✓	✓	
		Melaka Tengah	4771 – 70528			✓	✓			

BIL	NEGERI	DAERAH	KEPADATAN (ORG)	KATEGORI KAWASAN			KEMUDAHAN			
				HITAM	KELABU	PUTIH	KBS	KRM	IKBN	APBM
		Jasin	4771 – 70528			✓				
10.	Johor	Segamat	4771 – 70528		✓					
		Muar	4771 – 70528			✓			✓	
		Batu Pahat	4771 – 70528		✓					
		Kluang	4771 – 70528			✓				
		Mersing	4771 – 70528			✓				
		Kota Tinggi	4771 – 70528			✓				
		Johor Bahru	202044 - 267802			✓	✓			
		Pontian	4771 – 70528		✓					
11.	Pahang	Cameron Highland	4771 – 70528			✓				
		Lipis	4771 – 70528		✓					
		Raub	4771 – 70528			✓		✓		
		Jerantut	4771 – 70528			✓				
		Kuantan	4771 – 70528			✓	✓			
		Pekan	4771 – 70528			✓				
		Maran	4771 – 70528			✓		✓		
		Kuala Krau	4771 – 70528			✓			✓	

BIL	NEGERI	DAERAH	KEPADATAN (ORG)	KATEGORI KAWASAN			KEMUDAHAN			
				HITAM	KELABU	PUTIH	KBS	KRM	IKBN	APBM
		Bentong	4771 – 70528			✓				
		Bera	4771 – 70528			✓		✓		
		Rompin	4771 – 70528			✓				
12.	Terengganu	Besut	4771 – 70528			✓		✓		
		Setiu	4771 – 70528			✓				
		Kuala Terengganu	4771 – 70528			✓	✓			
		Marang	4771 – 70528			✓			✓	
		Hulu Terengganu	4771 – 70528			✓				
		Dungun	4771 – 70528			✓				
		Kemaman	4771 – 70528			✓		✓		
13.	Kelantan	Tumpat	4771 – 70528		✓					
		Kota Bharu	70528 - 136286		✓		✓			
		Pasir Mas	4771 – 70528		✓					
		Bachok	4771 – 70528		✓				✓	
		Tanah Merah	4771 – 70528		✓					
		Pasir Puteh	4771 – 70528			✓				
		Machang	4771 – 70528		✓					

BIL	NEGERI	DAERAH	KEPADATAN (ORG)	KATEGORI KAWASAN			KEMUDAHAN			
				HITAM	KELABU	PUTIH	KBS	KRM	IKBN	APBM
		Jeli	4771 – 70528		✓					
		Kuala Krai	4771 – 70528		✓					
		Gua Musang	4771 – 70528		✓					
14.	Sarawak	Kuching	70528 - 136286			✓				
		Samarahan	4771 – 70528			✓				
		Sri Aman	4771 – 70528			✓				
		Sarikei	4771 – 70528			✓				
		Sibu	4771 – 70528			✓				
		Kapit	4771 – 70528			✓				
		Bintulu	4771 – 70528			✓				
		Miri	4771 – 70528			✓				✓
		Limbang	4771 – 70528		✓					
15.	Sabah	Kudat	4771 – 70528			✓				
		Pantai Barat	136286 – 202044			✓		✓	✓	
		Pendalaman	4771 – 70528			✓				
		Sandakan	136286 – 202044			✓				
		Tawau	70528 - 136286		✓					

BIL	NEGERI	DAERAH	KEPADATAN (ORG)	KATEGORI KAWASAN			KEMUDAHAN			
				HITAM	KELABU	PUTIH	KBS	KRM	IKBN	APBM
16.	W.P. Labuan	Labuan	- tiada maklumat-			✓				
JUMLAH KESELURUHAN				-	37	62	10	14	15	2